

**SPM 2018  
BAHASA MELAYU  
KERTAS 1  
SPM EXAM TIPS  
(TAMBAHAN)**

**Mesti Download  
untuk dibaca**

**2018 SPM SEMINAR /  
MAIL ORDER EXAM TIPS BOOK**

**Anda dinasihatkan agar membaca nota 'Exam Tips' ini berulang-ulang kali  
untuk memahaminya dengan lebih terperinci.**


**Sampel soalan di belakang adalah sebagai latihan pemahaman sahaja.**

**Terms & Conditions**

- The information provided is for education purposes only and should not be considered as leak of question papers.
- The organizer disclaims all liability for any loss, damage or personal suffered directly or indirectly from reliance on such information
- The tips provided are considered as forecast questions and there is no warranty of its accuracy
- However all effort has been made to provide the most possible tips towards the real examination.

## **KARANGAN RANGSANGAN 1**

Lihat grafik di bawah dengan teliti. Huraikan pendapat anda tentang ciri-ciri Bandar Pintar. Panjangnya huraian hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.



### **Ciri-ciri Bandar Pintar**

#### **PENGENALAN**

Malaysia antara negara yang sedang pesat membangun di Asia Tenggara dalam pelbagai aspek.

- banyak bangunan pencakar langit dibina dalam usaha bersaing dengan negara yang lain
- dilengkapi pelbagai kemudahan dalam usaha memberikan keselesaan hidup kepada rakyat
- justeru, banyak bandar pintar telah direalisasikan agar sinonim dalam abad yang ke-21 ini.

#### **ISI - ISI UTAMA**

Antara ciri bandar pintar yang terbina dengan memiliki kemudahan teknologi yang tinggi.

- wifi percuma untuk para penduduknya dalam usaha menggalakan mereka dengan ICT
- kewujudan banyak kafe siber untuk kemudahan para pelajar dan penduduk
- sistem perkhidmatan awam yang canggih dengan 100% penggunaan komputer

Selain itu, memiliki pusat pengajian teknologi untuk kemudahan menuntut kemahiran ini kepada orang ramai.

- dapat memiliki diploma ataupun ijazah kepada generasi muda dalam usaha memiliki masa depan yang cemerlang
- digunakan oleh masyarakat tempatan untuk pelbagai tugas mahupun menyiapkan pekerjaan mereka
- membina lebih banyak pusat teknologi moden di bandar-bandar besar

Bandar pintar yang dijelmakan juga wajar memiliki kemudahan rekreasi yang baik dan lengkap.

- mengamalkan gaya hidup yang sihat dalam usaha mengurangkan penduduk daripada dihidangai pelbagai penyakit
- tempat bersenam, berjoging, bersiar-siar dan pelbagai lagi mestilah disediakan
- kemudahan berkayak kepada masyarakat pasti dapat dizahirkan jika disediakan tasik buatan manusia

Akhir sekali, dengan menyediakan pusat komersial dan perniagaan dalam bandar di negara kita.

- memudahkan orang ramai membeli pelbagai barangan
- tidak perlu memandu dalam jangka masa yang lama untuk ke sesebuah pusat perniagaan
- bukti bahawa bandar yang didiami adalah bandar pintar yang memiliki pelbagai prasarana


## **PENUTUP**

Konklusinya, hari demi hari biarlah semakin banyak bandar pintar akan wujud di negara kita.

- imej yang baik dan membolehkan orang luar memandangi kemajuan negara kita
- memerlukan dana yang tinggi namun bukan sesuatu yang mustahil untuk dibina
- kehidupan masyarakat juga selesa kerana berada dalam sebuah bandar yang lengkap dalam serba-serbi.

## **KARANGAN RANGSANGAN 2**

Lihat grafik di bawah dengan teliti. Huraikan pendapat anda tentang ciri-ciri pengguna yang bijak. Panjangnya huraian hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.



## **Ciri-ciri pengguna yang bijak**

### **Pengenalan**

Dalam kehidupan ini kita mestilah bijak dalam pelbagai perkara ketika menjalani kehidupan.

- antaranya menjadi seorang pengguna yang bijak
- tidak mudah tertipu dan dieksploitasikan oleh orang lain
- menanggung kerugian akibat kelalaian diri sendiri
- banyak terpampang di dada-dada akhbar

Kita mestilah prihatin dengan membuat perbandingan harga terlebih dahulu sebelum membeli sesuatu barangan.

- kita akan mengetahui kedai mana yang menawarkan harga yang murah atau berpatutan
- tidak terpedaya dengan manis kata daripada jurujual kerana telah mengetahui harga yang sebenar
- kita mampu menjimatkan perbelanjaan kerana tidak tersilap langkah
- bijak dalam membuat perbandingan harga mampu mengelakkan kita daripada tertipu

Kita juga wajar mengamalkan sikap berjimat cermat dalam kehidupan.

- membeli barangan yang benar-benar diperlukan sahaja
- jangan kita membeli barangan yang sudah ada di rumah lantas tidak digunakan
- sikap boros wajar di jauhi kerana turut dilarang oleh agama
- menyenaraikan barangan yang dibeli sebelum kita ke pusat beli belah mahupun kedai yang lain

Amalan menabung juga mestilah ada dalam diri kita sejak kecil lagi.

- amalan ini dapat menjauhi diri kita daripada bersikap boros
- mampu mengelakkan kita daripada berbelanja dengan menurut hawa nafsu
- tabungan yang semakin banyak dapat membantu kita pada masa hadapan
- kita juga tidak terbelenggu dalam kehidupan berhutang

Akhir sekali kita mestilah tahu hak kita sebagai seorang pengguna.

- melaporkan kepada hak-hak pengguna jika tertipu
- pegawai mereka akan datang untuk melakukan siasatan
- kita akan dapat barangan yang benar-benar berkualiti dan bukan palsu
- jangan takut untuk membuat aduan kerana kuasa pembeli itu amat besar


### **Penutup**

Tuntasnya, ciri-ciri pengguna yang bijak perlu ada dalam kalangan masyarakat.

- jangan sudah terhantuk baru nak mengaduh
- kerugian sudah berlaku dan tidak perlu disesalkan lagi
- didiklah anak-anak supaya menjadi pengguna yang bijak sejak kecil lagi
- bijak dulu, kini dan selamanya perlu ada dalam kita mengelakkan tertipu, tertindas atau diperbodoh-bodohkan.

### **KARANGAN RANGSANGAN 3**

Lihat grafik di bawah dengan teliti. Huraikan pendapat anda tentang *sumbangan hutan kepada manusia*. Panjangnya huraian hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.



### **Sumbangan Hutan Kepada Manusia**

#### **Pengenalan**

Hutan merupakan khazanah yang amat berharga kepada kita semua.

- anugerah Tuhan kepada manusia di atas muka bumi ini
- wajar dipulihara dan tidak dicemari oleh tangan-tangan manusia
- kerosakan yang berlaku mendatangkan impak yang buruk kepada manusia
- hutan memainkan peranan yang tersendiri supaya manusia hidup dengan penuh kesejahteraan

#### **Idea-idea Utama**

Hutan menyalurkan sumber makanan kepada kita semua sejak azali lagi.

- buah-buahan, manisan madu dan tumbuh-tumbuhan yang menjadi makanan kita semua
- binatang liar seperti rusa, napuh, kijang dan kancil turut menjadi sumber makanan yang lazat
- manusia boleh memperoleh makanan dengan cara berburu ataupun menjerat
- hutan juga memiliki sungai yang mengalir dengan kawanan ikan, udang dan sebagainya yang memberikan sumber makanan agar manusia tidak kebuluran.

Hutan turut berperanan sebagai kawasan tadahan hujan di negara kita.

- membekalkan air yang bersih dari pergunungan dan menjadi sebatang sungai
- aktiviti harian seperti membasuh pakaian dan mengambil air sungai untuk dijadikan air minuman berjalan dengan lancar
- kawasan tadahan hujan yang kekal bermaksud aliran air di sungai tidak akan terputus
- hutan yang tebal jangan sesekali kita tebang untuk keuntungan semata-mata

Oksigen amat diperlukan oleh manusia dalam kelangsungan hidup.

- hutan membekalkan oksigen yang banyak dan mencukupi untuk kehidupan manusia
- hutan yang digondolkan menyebabkan persekitaran menjadi panas
- oksigen turut berperanan mendinginkan alam semesta
- hutan perlu dikekalkan sampai bila-bila jika kita ingin akan kehadiran oksigen yang

mencukupi

**Penutup**

Akhir sekali, hutan turut menjana ekonomi negara dalam menghasilkan pulangan yang lumayan.

- negara kita juga pengeluar kayu balak yang utama di dunia
- hasil rimba kita juga mampu mengeluarkan ubatan tradisional yang diakui kemujarabannya
- destinasi percutian berkonsepkan hutan turut popular seperti hutan simpan Endau Rompin dan pelbagai lagi
- Hutan perlu dikekalkan sampai bila-bila dalam usaha menjamin pulangan yang lumayan

ANDREWCHOO.EDU.MY

## **KARANGAN RANGSANGAN 4**

Lihat gambar di bawah dengan teliti. Huraikan pendapat anda tentang kepentingan sungai. Panjang huraian hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.



### **Kepentingan Sungai**

#### **Pengenalan**

Sungai merupakan anugerah Tuhan kepada kita.

- mendatangkan pelbagai manfaat kepada manusia.
- kelangsungan hidup berjalan dengan lancar
- aktiviti harian dapat disempurnakan tanpa sebarang gangguan

#### **ISI - ISI UTAMA**

Sungai merupakan sumber air yang utama.

- air minuman, membersihkan badan dan mencuci pakaian
- aktiviti harian yang lain turut bergantung dengan air yang bersih
- kehidupan menjadi sempurna dan penyakit berjangkit dapat dihindari

Sungai juga merupakan sumber makanan dan pendapatan sesetengah golongan.

- sesetengah nelayan bergantung hidup dengan sungai
- tempat menangkap ikan dan udang untuk menyara keluarga
- jika sungai terancam pendapat golongan ini pasti terjejas



Manusia turut menjadikan sungai sebagai tempat rekreasi dan pelancongan.

- berkelah pada hujung minggu atau cuti umum
- dapat menghilangkan tekanan sewaktu di tempat kerja
- mampu menggamit kedatangan para pengunjung dalam dan luar negara

Sungai juga berfungsi sebagai tempat perhubungan dan pengangkutan.

- banyak digunakan di kawasan pedalaman seperti di Sabah dan Sarawak
- penggunaan sampan dan bot semakin berkembang
- memudahkan mereka ke sesuatu tempat dengan cepat


### **PENUTUP**

Anugerah Tuhan ini mestilah dipulihara oleh manusia.

- jangan dicemarkan kerana impaknya amat buruk
- jangan seperti “ Sudah terhantuk baru nak mengadiah “
- sayangilah sungai kita pada bila-bila masa

### **KARANGAN RANGSANGAN 5**

Berdasarkan rajah di bawah ini, huraikan pendapat anda tentang **kepentingan semangat patriotik dalam kalangan remaja di negara kita**. Panjangnya huraian anda antara 200-250 patah perkataan.



### **Kepentingan semangat patriotik dalam kalangan remaja di negara kita**

#### **Pengenalan**

Generasi muda adalah aset negara yang amat penting.

- memiliki ilmu pengetahuan yang tinggi dan sahsiah yang baik.
- mempunyai semangat patriotik yang tinggi
- mampu menjana negara ke arah kemajuan yang tinggi



### **Idea-idea Utama**

Semangat patriotik amat penting disemai dalam kalangan generasi muda.

- sayang akan negara walau di mana mereka berada
- berusaha dalam menceriaikan negara dalam pelbagai bidang
- tidak akan belot terhadap kedaulatan negara

Mampu memajukan dan memodenkan negara.

- menggunakan segala kepakaran dan tenaga mereka
- memperoleh kepuasan apabila menyumbangkan jasa kepada negara
- negara terus maju dan bersaing dengan negara yang lain

Sanggup berjuang dalam mempertahankan negara.

- sanggup mempertaruhkan nyawa demi negara
- tidak belot kepada musuh walau di mana mereka berada
- memastikan kedaulatan negara megah berdiri di persada dunia

Berusaha dalam menambahkan ilmu pengetahuan di dada.

- dapat digunakan dalam memajukan negara
- menggunakan segala pengetahuan dan pengalaman yang ada
- mencorak negara dengan segala kecanggihan yang telah dipelajari oleh mereka


### **Penutup**

Semangat patriotik dalam kalangan remaja mestilah dipertingkatkan.

- pelbagai program yang membina semangat ini wajar diperbanyak
- diterap dengan lebih kukuh agar tidak mudah goyah
- mampu mengharungi segala keperitan demi negara tercinta

## **KARANGAN RANGSANGAN 6**

Lihat carta di bawah dengan teliti. Huraikan pendapat anda tentang faedah-faedah melancong. Panjang huraian hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.



### **Faedah-faedah Melancong**

#### **PENGENALAN**

Industri pelancongan semakin berkembang di negara kita.

- terbukti dengan kehadiran ramai pengunjung dalam dan luar negara
- menjadi tumpuan pada hujung minggu atau pada cuti umum
- meningkatkan imej negara di mata luar

#### **ISI UTAMA ISI**

Pelbagai manfaat diperoleh jika melancong ke sesuatu destinasi.

- mampu menambahkan ilmu pengetahuan
- dapat mengetahui sejarah sesebuah tempat
- dapat mengetahui keistimewaan dan kelebihan kawasan tersebut

Industri pelancongan juga dapat meningkatkan ekonomi negara.

- mendatangkan pulangan yang lumayan
- pelbagai sektor turut berkembang dengan cergas
- pelancong asing membelanjakan wang sewaktu membeli-belah

Melancong juga mampu menghilangkan tekanan atau stress.

- terbukti sewaktu kita melancong bersama keluarga atau rakan-rakan
- dapat bertukar kiran dan idea-idea yang bernas
- berkongsi pengalaman dengan rakan-rakan

Hubungan kekeluargaan juga mampu dipertingkatkan.

- ayah ,ibu dan anak-anak berkongsi kegembiraan
- meluangkan masa dengan anak-anak di destinasi tertentu
- menjana keluarga yang bahagia dan mengelakkan gejala sosial

### **PENUTUP**

Pelancongan antara industri utama negara.

- wajar diberi perhatian yang sepenuhnya
- pelbagai faedah turut hadir semasa kita melancong
- sambutlah cuti-cuti Malaysia yang dilaungkan oleh kerajaan

## **KATEGORI : DIRI / INDIVIDU / REMAJA**

### *Karangan 1*

### **Faedah Menabung Dalam Kalangan Pelajar**

#### **Pengenalan**

Dalam meniti ranjau kehidupan yang penuh dengan pancaroba, permasalahan berkaitan dengan wang amat sinonim dengan kehidupan seharian kita. Hal ini demikian kerana dengan wanglah kita dapat melakukan segala-galanya walaupun wang tidak dapat membeli segala-galanya. Menabung juga merupakan amalan mulia dan perlu diamalkan sejak kecil. Pelbagai faedah dapat dinikmati oleh golongan yang suka menabung. Masa depan terjamin dan tidak menghadapi kesusahan kerana bak kata pepatah "sediakan payung sebelum hujan." Justeru, perlu disahut oleh pelbagai lapisan masyarakat di negara kita tanpa mengira kaum dan agama.

#### **Isi-isi Utama**

Amalan menabung mengurangkan sikap boros kepada pelajar. Kita akan berbelanja dengan berhemah kerana lebih wang akan ditabung. Kita juga akan membeli barangan yang perlu sahaja dan tidak membazirkan wang. Kita akan bijak berbelanja dan kadar inflasi negara dapat dikurangkan. Alangkah manisnya jika amalan ini dipraktikkan sejak kecil lagi.

Wang yang ditabung akan dapat mengurangkan beban ibu bapa. Kita dapat membantu untuk membayar yuran dan pelbagai keperluan sekolah. Kita juga mampu membeli barangan atau buku yang dikehendaki oleh guru dengan segera. Ibu bapa akan berasa bangga dan bersyukur mempunyai anak yang sebijak ini. Justeru, tabungan amat penting terutama pada masa yang diperlukan.

Amalan menabung juga sebagai persediaan untuk pelajar melanjutkan pelajaran. Kita mampu untuk melanjutkan pelajaran ke IPTA atau ke IPTS. Hal ini demikian kerana kita mampu membayar segala yuran pengajian sepanjang tempoh tersebut. Kita juga tidak terlalu bergantung kepada pinjaman atau biasiswa. Pinjaman atau biasiswa ini juga mengambil masa yang agak lama untuk diluluskan.

Tabungan boleh dijadikan sumber untuk menambahkan wang yang ada. Kita mampu memasukkan wang itu ke dalam saham-saham amanah yang disediakan. Kita pasti mendapat pulangan yang lumayan pada setiap tahun. Impaknya wang tabungan kita akan sentiasa bertambah dari tahun ke tahun. Justeru, tidak rugi mengamalkan amalan ini kerana manfaatnya amat besar.

Pelajar dapat menggunakan wang tabungan tersebut pada waktu-waktu kecemasan. Contohnya peristiwa yang tidak diduga seperti kemalangan atau penyakit yang berbahaya. Kita juga akan mendapatkan rawatan yang sempurna di hospital kerajaan atau swasta. Justeru, kehidupan para pelajar tidak terjejas dan mampu menjalani aktiviti seharian seperti yang dirancang.

### **Penutup**

Amalan menabung merupakan amalan yang mulia. Amalan ini perlu disemai dalam kalangan pelajar sejak kecil. Contohnya melalui kempen-kempen dalam media massa atau cetak. Bak kata pepatah sedikit-sedikit lama-lama menjadi bukit. Menabung telah terbukti mampu menceriakan kehidupan kita terutama ketika melalui saat-saat genting yang memerlukan penggunaan wang ringgit.

## **KATEGORI : KELUARGA**

### *Karangan 1*

### **Peranan Ibu Bapa Dalam Memupuk Minat Bersukan Kepada Anak-anak**

#### **PENGENALAN**

Sukan antara budaya yang digemari di negara kita.

- pelbagai lapisan masyarakat tanpa mengira agama menceburkan diri dalam bidang ini
- industri sukan juga mendapat sambutan yang menggalakkan
- mencipta nama dan menjulang imej negara seperti Datuk Lee Chong Wei dan Datuk Nicol David

#### **IDEA-IDEA UTAMA**

Ibu bapa berperanan penting dalam menyemai minat bersukan kepada anak-anak.

- membelikan peralatan sukan seperti kasut, pakaian dan barangan yang lain
- menimbulkan minat dalam kalangan anak-anak
- tidak menghadapi sebarang masalah

Menggalakkan anak-anak bergiat aktif dalam aktiviti kokurikulum di sekolah.

- menyemai bakat yang ada sejak di bangku sekolah lagi
- landasan yang tepat untuk maju ke hadapan
- berjaya mewakili sekolah, negeri dan seterusnya negara
- contohnya seperti olahraga, bola sepak, hoki dan pelbagai lagi

Memberi sokongan tanpa berbelah bagi kepada anak-anak.

- hadir memberi sokongan sewaktu anak-anak terlibat dalam sesuatu pertandingan
- memberi semangat kepada anak-anak mereka
- berjaya meraih kejayaan dengan adanya ibu bapa di belakang mereka

Menghantar anak-anak hadir untuk berlatih di sekolah mahupun di luar,

- anak-anak tidak mempunyai masalah ke tempat latihan
- tidak menghadapi masalah pengangkutan
- berlatih tepat pada waktunya

Mengeluarkan wang supaya anak-anak dapat berlatih di luar.

- menghadiri klinik bola keranjang, bola jaring dan sukan yang lain
- mempertajam kebolehan dan bakat anak-anak
- mampu mewakili negeri mahupun negara

## **PENUTUP**

Kejayaan anak-anak adalah tanggung jawab ibu bapa.

- memberi motivasi seperti penglibatan anak-anak dalam bidang sukan
- mampu memberi pulangan yang lumayan
- kerjaya sukan kini menjadi sasaran utama para remaja yang berkebolehan

## **KATEGORI : MASYARAKAT / KERAJAAN / NEGARA**

### *Karangan 1*

#### **Berjimat Cermat Amalan Mulia**

Dasawarsa ini, negara kita telah dilanda oleh gelombang inflasi secara global. Setiap pengguna tidak dapat melepaskan diri daripada kepompong inflasi. Sehubungan dengan itu, segenap masyarakat diseru supaya mengimplementasikan amalan berjimat cermat dalam rutin hidup mereka untuk menghadapi keperitan itu. Semua ajaran agama mengajar penganutnya agar berjimat cermat dan tidak membazir dalam kehidupan. Filosofer Laotze berkata, “Kehidupan membazir dan tamak akan mendorong manusia ke arah kebinasaan.” Hal ini memantapkan bahawa betapa pentingnya amalan berjimat cermat dalam kehidupan sehari-harian kita.

Seperti pepatah, “malang tidak berbau”, iaitu manusia tidak dapat menduga segala bencana atau kecemasan yang terdiri daripada menghidap penyakit, kemalangan, kebakaran dan sebagainya. Ketika berlakunya sesuatu kecemasan, wang sering menjadi

faktor utama untuk kita menyelesaikan banyak masalah. Di manakah kita dapat memperoleh jumlah wang yang banyak untuk menghadapi sesuatu yang tidak diinginkan, terutama menjalani pembedahan? Adakah kita perlu menghulurkan tangan untuk meminta bantuan? Sebaliknya segala masalah dapat dikekang atau diminimumkan jika kita dapat berjimat cermat dan sentiasa bertabung dalam kehidupan sehari-harian. Kita perlu sentiasa mengingati peribahasa Melayu, “Sediakan payung sebelum hujan.” Tuntasnya, amalan berjimat cermat merupakan tindakan berjaga-jaga untuk membuat persediaan sebelum berlakunya sesuatu kecemasan kerana panas tidak sampai ke petang.

Tidak dapat dinafikan bahawa amalan berjimat cermat merupakan mangkin yang efektif untuk memelihara dan memulihara alam sekitar. Hal ini demikian kerana manusia sedang mengeksploitasikan sumber alam semaksimumnya tanpa memikirkan akibat yang bakal dihadapi. Jika manusia dapat mengubah kehidupan mereka dengan berjimat cermat dari segi makanan, penggunaan bekalan air dan elektrik serta kertas dan lain-lain lagi, kita sedang menuju ke arah menyelamatkan bumi kita daripada mengalami kemusnahan. Gara-gara manusia mengejar kemewahan hidup dan bersikap boros, banyak khazanah alam telah diteroka terutamanya bahan galian dan hutan. Bayangkan suatu hari nanti, manusia terpaksa bunuh –membunuh dan berperang kerana merebut bekalan air. Bak kata peribahasa, “sesal dahulu pendapatan, sesal kemudian tidak berguna” dan “jangan terhantuk baru tengadah”, kita perlu berjimat cermat dalam penggunaan setiap benda sebagai langkah mencintai alam kita.

Saban hari isu ceti haram atau along sering menghiasi dada akhbar sehingga mangsa tersebut membunuh diri malah membunuh sekeluarga kerana tidak larat lagi menghadapi penganiayaan along yang bermaharajalela. Ketika mengamati berita ini, kita dapat mengetahui bahawa mangsa berkenaan tidak mahir mengurus pendapatan mereka. Lazimnya mereka tidak bersikap ukur baju pada badan sendiri tetapi membesarkan kerak nasi dalam perbelanjaan. Walhasil, mereka sentiasa berhutang keliling pinggang. Sebaliknya jika kita sentiasa berbelanja secara hemat tanpa boros, kita pasti dapat menyimpan wang yang berlebihan dalam simpanan bank atau melabur dalam skim amanah saham untuk keperluan masa depan. Ternyata amalan berjimat cermat berupaya menguruskan perbelanjaan secara teliti bagai menarik rambut dalam tepung daripada berhutang.

Bukan itu sahaja, amalan berjimat turut menjamin masa depan yang lebih cerah. Setiap umat perlu pandai merancang masa depan mereka sejak kecil lagi. Kita perlu berjimat cermat dalam segala perbelanjaan kita dan menyimpan wang untuk kegunaan masa kelak kita. Bak kata peribahasa, “ikut hati mati, ikut rasa binasa”, jika kita berbelanja berdasarkan nafsu, pendapatan kita akan habis pada hujung bulan. Bagaimana kita dapat merancang masa tua setelah pencen? Bagaimanakah kita dapat membayar kos pendidikan anak kita. Jika kita dapat menjimatkan setiap perbelanjaan yang tidak diperlukan, nescaya kita dapat menyimpan sejumlah wang dalam tabung. Sedikit-sedikit lama-lama menjadi bukit. Wang yang dijitamkan itu dapat dirancang demi masa depan yang lebih cerah. Oleh itu ketika berbelanja, kita perlu mengingati peribahasa, “ingat sebelum kena, jimat sebelum habis.”

Natijahnya, amalan berjimat cermat merupakan nilai murni yang diajarkan oleh setiap agama di dunia ini. Berpaksikan amalan ini, kita dapat hidup dengan kesederhanaan tanpa membazir. Sehubungan dengan itu, kehidupan kita akan lebih harmoni, sentosa dan bahagia sehingga mewujudkan masyarakat sakinat. Tanpa berjimat cermat pastinya kita akan menjadi boros berbelanja kerana hanya menurut hawa nafsu sahaja. Kita akan terkelompok dalam kalangan orang yang rugi pada masa hadapan. Justeru, amalan berjimat cermat perlu ditanam erat-erat dalam diri generasi muda pada hari ini.

## *Karangan 2*

### **Usaha dan Manfaat permuafakatan dalam hidup bermasyarakat.**

Malaysia merupakan negara yang mempunyai anak watan berbilang kaum dan hidup secara bersama sehati sejiwa ibarat peribahasa seikat bak sirih, serumpun bak serai. Sehubungan itu, kebanyakan anggota masyarakat hidup berjiran di kawasan bandar ataupun di kawasan luar bandar dan mereka saling berhubung, bertemu dan berurusan antara satu sama lain. Namun terdapat lakaran suram yang menyelubungi kita bahawa ada pandangan yang menyatakan semangat kerjasama dalam kalangan masyarakat Malaysia pada masa ini dikatakan semakin terhakis ibarat hidup segan mati tak mahu. Banyak kempen dan usaha telah dijalankan oleh pelbagai pihak untuk merapatkan kembali hubungan masyarakat melalui pelbagai aktiviti kerana semangat bekerjasama begitu penting dalam kehidupan bermasyarakat.

Semangat kerjasama dalam masyarakat dapat dipupuk melalui peranan ibu bapa. Kerjasama ini boleh dipupuk melalui penglibatan ibu bapa bersama-sama ahli keluarga yang terdiri daripada anak-anak dalam pelbagai aktiviti yang diadakan di kawasan tempat tinggal mereka. Ibu bapa sewajarnya membawa anak-anak mereka menyertai aktiviti kemasyarakatan seperti gotong-royong, majlis sambutan perayaan atau perjumpaan bulanan komuniti. Manfaatnya setiap keluarga akan dapat dipertemukan dengan semua jiran, saling berkenalan dan merapatkan hubungan. Mereka akan lebih mesra, saling membantu bagi aur dengan tebing tanpa membezakan warna kulit, bangsa atau kepercayaan. Hal ini menunjukkan bahawa semangat bekerjasama dalam kalangan anggota masyarakat dapat membentuk ukhuwah yang kukuh dan ampuh.

Selain itu, semangat kerjasama dalam kalangan masyarakat dapat dibentuk melalui kempen-kempen kesedaran oleh pihak kerajaan. Pihak kerajaan seharusnya mengadakan kempen memupuk semangat kerjasama dalam kalangan masyarakat dari semasa ke semasa agar terus subur dalam sanubari mereka. Tuntasnya, semangat bekerjasama dalam kalangan masyarakat membolehkan semua anggota masyarakat memahami antara satu sama lain. Masyarakat yang berbilang kaum ini boleh mempelajari perbezaan budaya dan sistem sosial masyarakat lain seterusnya memahami sensitiviti mereka agar dapat bertoleransi, bekerjasama dan saling menghormati. Tegasnya semangat bekerjasama penting dalam membentuk masyarakat yang bersatu padu dan seterusnya dapat memacu pembangunan negara ke arah kegemilangan.



Di samping itu, semangat kerjasama juga dapat dibentuk dalam kalangan masyarakat melalui peranan jawatankuasa penduduk setempat. Dalam hal ini, pihak jawatankuasa penduduk setempat boleh merancang pelbagai aktiviti kemasyarakatan dengan lancar tanpa sebarang kekangan. Jika masyarakat dapat hidup bersama-sama dalam suasana yang aman dan harmoni ibarat peribahasa ke bukit sama di daki, ke lurah sama dituruni maka segala aktiviti yang dijalankan akan dapat dinikmati dengan penuh bermakna. Sebagai contohnya, pihak jawatankuasa penduduk setempat boleh mengadakan aktiviti seperti gotong-royong membersihkan atau menceriakan kawasan setempat, seperti dewan orang ramai, balai raya, taman permainan kanak-kanak mahupun pusat komuniti. Jelaslah semangat kerjasama penting bagi merapatkan hubungan anggota masyarakat dalam suatu kawasan penduduk setempat .

Semangat kerjasama merupakan salah satu elemen penting dan vital yang membantu melahirkan anggota masyarakat yang harmoni, mempunyai jati diri dan semangat cinta akan negara . Dengan itu, peranan sekolah amat penting dalam memupuk semangat kerjasama kepada murid-murid di sekolah. Melalui pengajaran dan pembelajaran para guru boleh membimbing murid-murid tentang kepentingan semangat bekerjasama. Pelbagai aktiviti berbentuk kerjasama dalam kalangan murid-murid seperti gotong-royong membersihkan kawasan sekolah, mengemas dan menceriakan bilik darjah, menghias sekolah dengan jalur gemilang sempena sambutan Bulan Kemerdekaan dan sebagainya dapat diimplimentasikan. Hal ini jelas menunjukkan keharmonian kehidupan rakyat Malaysia melalui semangat bekerjasama yang diterapkan di peringkat sekolah ibarat melentur buluh biarlah dari rebungunya membolehkan keharmonian masyarakat terbentuk.

Intihanya, semangat kerjasama merupakan sebahagian daripada amalan dan menjadi budaya masyarakat di Malaysia yang menjadikan negara kita unik pada pandangan masyarakat di luar sana malah dikenali di seluruh dunia. Tuntasnya, semangat bekerjasama bukan sahaja penting dalam mengekalkan suasana harmoni dalam kalangan rakyat di negara kita malah sumbangannya cukup besar terutamanya bagi memastikan Malaysia terus cemerlang dan mampu berdaya saing pada masa akan datang kerana rakyatnya yang bersahsiah terpuji bagi melahirkan modal insan berminda kelas pertama yang dapat memacu negara tercinta ke arah kegemilangan di puncak jagat.

AN

### **Kebaikan-kebaikan Melancong**

Ramai orang akan pergi melancong bersama-sama keluarga mereka terutamanya pada musim perayaan dan pada masa cuti sekolah. Mengapakah ramai orang suka pergi melancong ke luar negara mahupun dalam negeri, berjalan-jalan dengan kereta? Apakah kebaikan-kebaikan pelancongan kepada rakyat sesuatu negara dan negara itu sendiri? Apa yang tertera di bawah jelas membuktikan bahawa melancong banyak memberikan manfaat secara langsung mahupun tidak langsung.

Antaranya, pelancongan boleh menarik pelancong ke sesuatu negara. Dengan itu, rakyat tempatan boleh mendapat pekerjaan secara langsung dan tak langsung. Ini kerana hotel hotel yang dikunjungi mereka memerlukan pekerja-pekerja yang biasanya adalah penduduk tempatan. Restoran dan kedai makanan akan dikunjungi oleh pelancong-pelancong untuk menjamu selera. Restoran dan kedai makan juga memerlukan pekerja untuk menguruskan perniagaan tersebut. Seterusnya secara tak langsung akan menarik orang luar asing mencurahkan modal dalam perniagaan hotel dan restoran kerana mereka boleh mendapat keuntungan yang besar melaluinya dan negara kita mempunyai pasaran yang luas di masa depan memandangkan negara kita sedang membangun . Barang kraftangan juga mendapat perhatian ramai pelancong.

Selain itu, melalui industri pelancongan, kebudayaan sesuatu negara boleh diperkenalkan ke seluruh dunia. Pelancong yang mengunjungi negara kita apabila sudah mengambil gambar seperti Wau, batik akan memamerkannya ke dalam facebook dan menceritakannya ke kawan dan saudara mara mereka. Selain itu, makanan tempatan seperti laksa, kolo mee dan cha keuh tiaw, mee jawa juga akan menjadi terkenal di seluruh dunia. Rakyat Amerika akan mengetahui laksa Malaysia sebagaimana kita mengetahui piza dan burger mereka. Pelancong yang datang ke negara kita juga berpeluang mengetahui dengan lebih dekat dengan amalan tempatan. Maka itu lah, Malaysia terkenal dengan amalan sopan santun dan berbudi bahasa dan tolak ansur oleh orang asing. Selain itu, masyarakat kita terdiri dari tiga kaum besar tetapi setiap kaum masih mengekalkan identiti dan tradisi mereka yang tersendiri. Perayaan tahun baru cina masih menjadi suatu perayaan yang besar di sini dan kerajaan akan memberinya sebagai cuti umum.

Seterusnya, jalan raya dan berbagai-bagai kemudahan seperti bekalan air dan elektrik akan dibina oleh kerajaan sempena meningkatkan bidang perlancongan negara. Hal ini demikian kerana pelancong akan mengunjungi negara kita apabila mengetahui negara kita mempunyai jalan raya yang bertar dan bukan masih jalan tanah. Kerajaan juga akan berusaha mendirikan lapangan terbang membantu industri pelancongan. Melalui kemudahan-kemudahan ini, penduduk tempatan boleh turut serta hidup bersama-sama hasil pembangunan ini, terutamanya penduduk luar bandar boleh menaiki kereta untuk memberi barang keperluan mereka dan tidak akan perlu duduk sampan seperti dahulu apabila mereka pergi ke bandar atau pergi bekerja. Kanak-kanak yang masih bersekolah pula ketika suatu

masa masih berbasikal ke sekolah dan berjalan kaki, tetapi sekarang kehidupan mereka sudah berubah, ibubapa mereka sudah boleh membawa anak-anak mereka ke sekolah dengan kereta.

Pada masa yang sama, kita juga boleh memperkenalkan kepada seluruh dunia tentang pelbagai spesies tumbuhan di negara kita. Suatu spesies tumbuhan yang paling jarang terdapat di dunia ialah bunga Rafesia yang hanya akan berbunga pada bulan Jun setiap tahun tetapi masih tidak diketahui ramai orang di Gunung Gading. Spesies tumbuhan ini istimewa dalam ia adalah bunga yang terbesar di dunia. Bunga Rafesia hanya terdapat di iklim tropika. Selain itu, negara kita juga terkenal dengan banyak sayur-sayuran seperti cangkuk manis, kangkung dan kailan yang sedap dan murah berbanding luar negara. Negara kita juga banyak ada banyak buah-buahan tropika seperti tembikai, betik, rambutan dan durian. Musang king merupakan durian yang sangat laku dan laris di pasaran luar negara seperti China dan Thailand. Penjual durian oleh kerana itu mendapat sumber pendapatan dan wang yang besar daripada itu. Negara kita juga dengan itu terkenal dengan itu.

Tambahan lagi, pelancongan boleh memperkenalkan kepada orang luar tentang pemandangan dan kawasan sesuatu negara. Negara kita terkenal dengan Gua -gua. Gua mulu di miri adalah gua yang terbesar di dunia dijangka dapat memuat 9 buah helipkotor. Gua niah pula terkenal dengan tinggalan pada zaman praba seperti tembikai, pinggan mangkuk pada kurun masehi ke-18. Kita juga boleh memperkenalkan kepada luar negara tentang pemandangan kita yang indah kerana masih terdapat hutan rimba dan Gunung Kinabalu yang banyak diterokai oleh orang asing. Selain itu, Taman negara Bako telah menjadi tarikan para saintis kerana terdapat banyak spesies tumbuhan dan bintang di situ.

Akhir sekali, selain memperkenalkan kepada luar negara tentang tiga kaum terbesar iaitu, melayu, cina dan india. Kita juga memperkenalkan dunia tentang adat istiadat perkahwinan tradisi tiga kaum terbesar ini. Di sini, kaum cina masih mengamalkan “pang teh” pada hari perkahwinan pengantin perempuan dan lelaki. Iaitu, pada hari pertama perkahwinan, pengantin perempuan akan diiring oleh kaum wanita yang biasanya mempunyai kedudukan yang tinggi di masyarakat itu, yang juga dipanggil mengambil payung kepada pengantin perempuan, agar pengantin hidup gembira dengan suaminya sepanjang hayatnya. Pada hari pertama itu mereka akan memakai pakaian berwarna merah sahaja sebagai tanda yang baik dan sihat sejahtera. Pada hari itu juga pengantin akan mendapat wang dalam bentuk angpau dan juga rantai emas, gelung emas, anting-anting emas, semua barang emas daripada lelaki dan perempuan yang lebih tua di kampung mereka.

Intihanya pelancongan merupakan suatu industri yang popular pada zaman moden. Banyak negara yang bergantung kepadanya sebagai sumber pendapatan mereka. Wang yang kerajaan perolehi daripada pelancongan telah membolehkan kerajaan membangunkan ekonomi masyarakat tempatan untuk kesejahteraan penduduk tempatan supaya taraf hidup mereka dapat ditingkatkan. Ekonomi yang baik akan mendatangkan kestabilan politik kepada sesuatu negara juga. Ada juga kerajaan yang hanya dapat bergantung kepada bidang industri ini kerana negara tidak dapat bergantung kepada penanaman tanaman lain atau tidak kaya dengan sumber minyak.

## **Peranan dan Usaha Mengantarabangsakan Bahasa Melayu**

Kita sebagai rakyat Malaysia, kita haruslah ingat bahawa orang lain, iaitu bangsa lain tidak akan menyebarkan bahasa Melayu ke seantero dunia, kecuali kita. Sebagai rakyat Malaysia, kita hendaklah mempunyai iltizam untuk menjadikan bahasa Melayu sebagai salah satu bahasa terpenting pada suatu hari nanti. Jika bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan juga bahasa rasmi di negara kita ditolak oleh sebilangan besar rakyat di negara kita, bagaimanakah penduduk dunia mahu menerima bahasa Melayu sebagai bahasa kedua mereka? Oleh hal yang demikian, kita mestilah menyokong segala usaha yang bertujuan meningkatkan atau memartabatkan bahasa Melayu di negara sendiri.

Pada masa yang sama, kita juga hendaklah mengantarabangsakan bahasa Melayu melalui peranan kita sebagai duta kecil ketika berada di luar negara. Sama ada kita sebagai pelajar, pelancong, atau pekerja, kita mestilah sentiasa berusaha untuk menyebarkan bahasa Melayu dengan pelbagai cara. Ketika berada di luar negara, apalah salahnya jika kita mengajar rakan kita dari negara lain untuk mempelajari bahasa Melayu. Untuk menarik perhatian mereka, kita juga mestilah bersedia untuk mempelajari bahasa mereka. Jika kita bersedia untuk mempelajari bahasa mereka, mereka juga pasti bersedia untuk mempelajari bahasa kita.

Kita juga hendaklah mengantarabangsakan bahasa Melayu melalui pejabat kedutaan negara kita di luar negara. Di seluruh dunia, terdapat 104 buah kedutaan Malaysia yang mampu memainkan peranannya untuk menyebarkan bahasa Melayu. Melalui kedutaan tersebut, kita hendaklah mengetengahkan bahasa Melayu di negara-negara asing dalam pelbagai acara atau majlis. Melalui usaha ini, bahasa Melayu akan lebih dikenali, dipelajari, dihayati dan seterusnya dihormati oleh warga dunia. Pepatah Melayu mengatakan, "tak kenal maka tak cinta". Sebagai rakyat yang mempunyai semangat 'bahasa jiwa bangsa', kita hendaklah mempunyai iltizam atau kesungguhan untuk mempromosikan bahasa Melayu walau di mana-mana jua kita berada.

Dalam zaman teknologi maklumat dan komunikasi ini pula, rakyat Malaysia mestilah memanfaatkan penggunaan Internet. Mereka yang pakar dalam bidang ini seperti ahli akademik, pakar bahasa dan sebagainya hendaklah menyebarkan bahasa Melayu melalui laman web atau blog bagi membolehkan masyarakat dunia untuk mendekati dan mempelajari bahasa Melayu. Dalam era globalisasi ini, kebanyakan masyarakat di duni mencari dan memperoleh maklumat melalui Internet. Oleh itu, kita mesti;ah mengambil kesempatan ini untuk mempromosikan bahasa Melayu. Oleh sebab Internet merupakan medium yang paling murah, mudah dan cepat untuk menyebarkan maklumat, kita mestilah mengeksplorasikan kelebihan ini untuk mengantarabangsakan bahasa Melayu ke seantero dunia.

Konklusinya, kita juga hendaklah mengantarabangsakan bahasa Melayu melalui filem. Jika penerbit filem di negara kita mampu menghasilkan filem yang bermutu, sudah pasti masyarakat antarabangsa akan menerima filem kita. Apabila mereka menerima

filem kita, hal ini akan memberikan peluang kepada mereka untuk mendalami dan mempelajari bahasa dan budaya Melayu. Namun, masalah yang kita hadapi ialah penerbit filem negara kita masih belum mampu menghasilkan filem yang bertaraf antarabangsa seperti filem yang dihasilkan oleh negara Hongkong, Jepun, Korea, Bollywood, dan sebagainya. Justeru, jika kita mahu menggunakan filem sebagai satu cara untuk menyebarluaskan bahasa Melayu, kita mestilah memartabatkan dan mengantarabangsakan filem Melayu juga di persada dunia.

### *Karangan 5*

Obesiti atau kegemukan dalam kalangan kanak-kanak semakin meningkat dan amat membimbangkan ibu bapa. Tuliskan keburukan obesiti dan cara-cara mengatasinya.

## **Keburukan Obesiti Dan Cara-Cara Mengatasinya**

### **Pendahuluan**

Masyarakat mula mengambil perhatian serius terhadap obesiti yang berlaku dalam kalangan kanak-kanak selepas media massa menyiarkan kesan pengambilan makanan segera.

- dalam istilah kesihatan, obesiti bermaksud pengumpulan lemak berlebihan yang menimbun di dalam badan seseorang
- menjurus ke arah kehidupan yang tidak sihat dalam kalangan masyarakat di negara kita
- masyarakat tidak produktif dan menjadi malas serta melebihkan tidur dalam kehidupan seharian
- perlu ditangani bermula pada zaman kanak-kanak lagi
- ibu bapa turut memainkan peranan penting dalam fenomena ini

### **Isi penting**

Obesiti boleh menjadi punca kepada penyakit kronik seperti penyakit serangan jantung, strok, tekanan darah tinggi, diabetes dan penyakit-penyakit lain yang lebih serius

- akhirnya, jangka hayat penghidap obesiti semakin pendek
- pada masa yang sama banyak penyakit lain yang akan bersama-sama golongan obesiti ini
- perlu ditangani dengan cara yang sewajarnya dan juga atas nasihat doctor
- jangan mengambil mudah kerana risikonya amat buruk
- tidak dapat memberikan banyak sumbangan kepada negara yang tercinta

Pada masa yang sama berlakunya masalah psikologi dalam kalangan mereka

- berlakunya kemurungan atau menyepi diri kepada kanak-kanak yang mengalami obesiti
- akibat malu berkawan dan bergaul atau takut diejek oleh rakan-rakan
- emosi tidak stabil dan sering menganggap diri tidak menarik, kurang keyakinan diri dan mengalami kemurungan
- kurang berjaya dalam pelbagai aktiviti yang diadakan seperti kejohanan sukan di sekolah
- kurang terlibat dalam aktiviti yang memerlukan banyak pergerakan seperti permainan bola sepak, sepak takraw, bola jarring dan pelbagai lagi.

Kekangan seterusnya adalah membataskan pergerakan sosial dan fizikal kerana obesiti menjadi punca keletihan.

- lambat bergerak dan bertindak sekiranya menggunakan tenaga fizikal iaitu tubuh badan
- tidak berupaya untuk terpilih dalam pasukan permainan sekolah
- kurang memberikan sumbangan kepada pihak sekolah dan dipandang rendah
- tidak mampu terlibat dalam pelbagai ekspedisi yang dianjurkan oleh pihak sekolah
- contohnya ekspedisi mendaki bukit dan gunung dalam kalangan pelajar

Seterusnya, pengetahuan tentang pengambilan diet makanan yang betul dan seimbang perlu diajarkan kepada kanak-kanak yang mengalami obesiti

- elakkan makanan yang tinggi kalori seperti nasi dan pelbagai lagi
- banyakkann makan sayur-sayuran dan buah-buahan yang menjurus vitamin C
- amalkan pemakanan yang sihat dan seimbang serta
- mengubah tabiat agar perkara tersebut tidak mempengaruhi pemakanan
- meletakkan matlamat untuk mengurangkan pengambilan kalori

Akhir sekali banyak melakukan senaman dalam kehidupan seharian.

- seperti berjalan kaki dengan cepat, menaiki tangga, senamrobik, berkebun dan melakukan kerja rumah
- aktiviti yang boleh mengeluarkan peluh dan mampu mengatasi obesiti
- berjalan secara berkala dan tidak hangat-hangat tahi ayam
- sesuai dengan nasihat doktor agar tidak mendatangkan impak yang buruk
- hendak seribu daya tak hendak seribu dalih perlu dijadikan pedoman

### **Penutup**

Konklusinya, masyarakat dan ibu bapa perlu memainkan peranan dalam perincian tajuk di atas.

- sewaktu penyediaan makanan di rumah sama ada ketika bersarapan mahupun makan tengah hari dan makan malam
- sesuai dengan piramid makanan yang disediakan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia
- dalam menjamin kesejahteraan hidup masyarakat di negara kita dan bebas daripada pelbagai penyakit
- menjamin kehidupan yang berkualiti dan ceria buat selama-lamanya
- aktiviti seharian berjalan dengan lancar tanpa sebarang masalah

### *Karangan 1*

Globalisasi menjadi satu ungkapan yang penting dalam kehidupan moden ini. Banyak pihak melihat proses ini membawa banyak kesan buruk terhadap budaya tempatan. Huraikan pandangan anda.

### **Globalisasi**

Definisi globalisasi merujuk satu proses yang menjadikan dunia ini semakin kecil tanpa dibatasi oleh sempadan dan kedudukan geografi sesebuah negara. Proses ini banyak dibantu oleh kewujudan teknologi terutama teknologi satelit, televisyen, dan komunikasi yang semakin canggih itu. Situasi ini menyebabkan globalisasi tidak boleh dikawal begitu sahaja lalu meresapi semua aspek kehidupan masyarakat di dunia ini tanpa mengenal usia dan keturunan pula. Akibatnya, globalisasi telah mewujudkan pelbagai kesan buruk terhadap budaya masyarakat di dunia ini tanpa disedari oleh masyarakat.

Implikasi budaya yang ketara melibatkan perubahan dalam struktur kehidupan berkeluarga di negara ini apabila globalisasi berlaku. Golongan wanita di negara ini tidak mahu terperap di rumah sahaja lalu mereka akan menyertai tenaga kerja di luar sana malah ada yang menerajui syarikat sendiri pula. Apabila fenomena ini berlaku pastinya anak tidak lagi menerima didikan yang sempurna kerana ayah dan ibu bekerja sepanjang masa lalu tidak mempunyai masa untuk melaksanakan tugas mendidik mereka itu. Lama-kelamaan, ahli keluarga tidak lagi mesra sesama mereka sehingga menimbulkan persengketaan lalu menjejaskan institusi kekeluarga yang dipandang tinggi oleh masyarakat kita itu.

Di samping itu, proses globalisasi ini turut memberikan impak terhadap media massa dan muzik tradisional. Masyarakat lebih terdedah pada muzik moden yang boleh merosakkan jati diri anak bangsa jika tidak dipantau dengan teliti. Apabila muzik luar yang didendangkan menerusi radio dan televisyen itu akan membawa jiwa masyarakat terpesong jauh daripada budaya timur yang mengutamakan kesopanan dan kelembutan muzik tersebut dalam aspek penghayatan kehidupan mereka. Lama-kelamaan, masyarakat negara ini akan dipengaruhi oleh muzik luar itu dalam setiap tingkah laku dan pemikiran mereka dalam menjalani kehidupan harian.

Pada masa yang sama, kepelbagaian fesyen akan muncul dalam kehidupan harian masyarakat kita apabila unsur globalisasi ini meresap perlahan-lahan dalam kehidupan. Pakaian tradisional hanya digayakan semasa musim perayaan dan ketika majlis rasmi sahaja terutama oleh golongan sudah berumur. Golongan muda lebih cenderung memakai pakaian yang kebaratan, lebih moden dan kasual kerana terpengaruh dengan fesyen dari luar negara. Jelaslah, globalisasi telah membawa masyarakat negara ini menjadi begitu fanatik terhadap fesyen terkini lalu mengabaikan budaya bangsa yang mengutamakan pemakaian pakaian yang sopan.



Globalisasi yang melanda negara ini turut membawa perubahan terhadap jenis makanan dan corak pemakanan masyarakat Malaysia. Makanan tradisional semakin terpinggir kerana makanan segera atau cepat saji dari budaya luar mula mendapat tempat dalam jiwa masyarakat kita. Bersesuaian dengan kehidupan masyarakat era globalisasi yang setiap sibuk itu menyebabkan makanan segera menjadi hidangan utama setiap kali masyarakat kita menjamu selera. Maka, semakin kuat pengaruh globalisasi ini semakin hilanglah minat rakyat Malaysia untuk menikmati hidangan tradisional yang sudah sekian lama terkenal tersebut.

Seterusnya, penggunaan bahasa dalam kalangan masyarakat kita menjadi celaru atau rojak kerana globalisasi yang berlaku. Penggunaan bahasa rojak berlaku kerana masyarakat kita melihat bahasa asing terutama bahasa Inggeris apabila digunakan boleh meninggikan status seseorang itu pada mata orang lain. Penggunaan bahasa rojak yang kerap bukan sahaja menjejaskan imej bahasa kebangsaan tetapi turut menjadikan penuturnya tidak mampu menguasai bahasa yang tepat tatabahasanya apabila dituturkan pula. Lantaran itu, kualiti penggunaan bahasa kebangsaan akan menurun sehingga menjadikan bahasa ini tidak lagi dikuasai oleh rakyat tempatan itu sendiri. Maka, globalisasi yang semakin berpengaruh itu bakal menghapuskan penggunaan bahasa kebangsaan di negara ini jika masalah ini dibiarkan tanpa kawalan.

Konklusinya, globalisasi memang membawa kesan buruk terhadap budaya tempatan terutama jika masalah ini tidak dikaji secara mendalam. Ada pihak yang melihat globalisasi sebagai satu perkara yang baik terutama dalam aspek ekonomi dan sosial tetapi proses ini harus dikawal supaya kesan yang berlaku tidak terjadi secara drastik itu. Masyarakat pula hendaklah bijak menapis lalu menerima kesan globalisasi yang baik berbanding menerima sahaja tanpa sekatan tertentu. Sesungguhnya, globalisasi menjadi fenomena global yang tidak boleh dibiarkan kerana kita tidak mahu menjadi seperti katak di dalam gelas pula.

ANDREW

## **Peranan Masyarakat Di Negara Serantau Dalam Menjaga Alam Sekitar**

Terdapat pelbagai unsur yang menjadikan pencemaran sungai semakin berleluasa iaitu najis dan bahan kumbangan serta baja yang mengandungi galian nitrat. Pencemaran juga berlaku disebabkan penghasilan kelodak dan bahan-bahan lain berbentuk pepejal seperti tanah, bahan buangan daripada kawasan pembinaan serta kawasan perbandaran dan juga disebabkan oleh hakisan tebing sungai apabila berlakunya hujan lebat.

Bahan Buangan daripada kilang perindustrian. Pembasmian hutan juga merupakan salah satu pencemaran terhadap alam sekitar di Malaysia. Terdapat dua jenis jangka pencemaran iaitu jangka pendek dan jangka panjang. Pencemaran jangka pendek biasanya bahan pencemar yang tersebar meliputi kawasan yang luas dalam jangka masa yang singkat sahaja. Bagi pencemaran jangka panjang, ia memerlukan pemerhatian yang khusus dan ia boleh memberi kesan yang besar kepada seluruh ekosistem melalui rantai hidupan.

Peranan dalam menyelamatkan alam sekitar iaitu mendesak para pemaju dan penjaja supaya lebih mesra alam dalam menjalankan perniagaan mereka. Sebagai contoh penggunaan plastik dilarang pada hari Sabtu di kawasan negeri Selangor dapat menyelamatkan alam sekitar kita. Maka diperkenalkan 'recycle bag' yang boleh digunakan berulang kali mampu mengurangkan penggunaan plastik yang meluas di negara kita. Pasaraya juga mengenakan bayaran 20 sen kepada pelanggan yang ingin menggunakan beg plastik di pasaraya berkenaan.

Di samping itu, kegagalan menjaga kebersihan boleh memberi kesan kepada sektor pelancongan. Sebagai contoh, pelabur telah menolak rancangan untuk membina hotel di Pantai Pasir, Pulau Pinang dimana kawasan tersebut telah diancam oleh pencemaran. Ini kerana kawasan tersebut dipenuhi dengan sampah sarap yang bertaburan di sekitar pantai oleh pelancong mahupun penghuni yang berada di sana. Secara tidak langsung, pelancong akan memberi tanggapan yang buruk kepada alam sekitar atau tempat pelancongan di negara kita.

Bagi menjadikan persekitaran yang lebih bersih serta selamat, orang awam perlu mengambil berat dan memberi perhatian terhadap kebersihan di negara kita. Setiap anggota mesti mempunyai kesedaran yang tinggi dalam menyelamatkan alam sekitar. Sebagai contoh, tidak sesuka hati membuang sampah ke longkang kerana akan menyebabkan sistem saliran tersumbat dan boleh menyebabkan banjir dan sebagainya. Sebagai contoh, banjir besar yang berlaku di Johor menyebabkan kerajaan mengeluarkan kos RM 1 billion bagi memperbaiki kemudahan-kemudahan yang rosak akibat banjir.

Penguatkuasaan undang-undang bagi pembalakan haram yang menyebabkan kemusnahan alam sekitar termasuk sungai dan laut. Ini kerana, demi keuntungan masing-masing daripada pihak yang tidak bertanggungjawab yang menjadikan kemusnahan habitat

haiwan samada di hutan, sungai dan sebagainya. Pembalakan haram juga membawa masalah seperti hakisan tanah, banjir, pemanasan sejagat serta kesan yang buruk kepada kita.

Selain itu, proses pembaikan dalam senario pemuliharaan harus dijalankan di negara kita. Langkah yang berkesan perlu diambil bagi memastikan mesej yang jelas mengenai unsur-unsur pemuliharaan alam sekitar dapat disampaikan kepada setiap anggota masyarakat di Negara Malaysia. Ini kerana dapat menjamin kebersihan alam sekitar akan terpelihara bagi generasi yang akan datang. Setiap anggota masyarakat juga perlu sedar bahawa usaha pemuliharaan patut dijadikan teras dalam diri masing-masing. Sekiranya, kesedaran dalam diri bagi setiap individu adalah sangat penting dapat menjadikan masyarakat lebih bertanggungjawab dalam memainkan peranan bagi bekerjasama dalam menyelamatkan alam sekitar. Oleh itu, alam sekitar kita dapat diselamatkan dan dipelihara sepenuhnya.

Tuntasnya, kita haruslah bekerjasama untuk menyelamatkan alam sekitar untuk mengelakkan pencemaran yang seperti di atas berlaku lagi. Anugerah daripada Tuhan ini perlu kita jaga dan pulihara dengan sepenuhnya. Alam sekitar yang bebas daripada pencemaran mampu memberikan kebahagiaan dan kesejahteraan hidup kepada manusia. Sayangilah alam sekitar seumpama kita menyayangi insan-insan lain dalam kehidupan ini.

*Karangan 3*

### **Usaha- Usaha Mempopularkan Permainan Tradisional**

Bertepatan dengan peribahasa bagai cendawan tumbuh selepas hujan, Malaysia kini berhadapan dengan arus globalisasi dan modenisasi yang membawa kepada pembangunan yang pesat. Berkait rapat dengan perkembangan tersebut, generasi muda hari ini lebih terdedah kepada alam siber dan permainan komputer sehingga melupakan permainan tradisional yang merupakan warisan pusaka sejak dahulu lagi. Lantaran itu, permainan tradisional turut dipandang enteng serta mula tersisih daripada arus perdana kehidupan masyarakat. Dalam hal ini, sebelum nasi menjadi bubur, semua pihak perlu mencari pendekatan yang pragmatik bagi meninggikan martabat permainan tradisional di negara kita bersesuaian dengan kata peribahasa di mana ada kemahuan, di situ ada jalan.

Pihak ibu bapa dianggap pihak yang paling dominan berperanan memperkenalkan serta mempopularkan permainan tradisional kepada generasi muda khususnya kepada anak-anak mereka. Hal ini demikian kerana kebanyakan ibu bapa menjadi suri teladan kepada anak-anak yang sedang membesar. Ibu bapa perlu mendedahkan permainan tradisional kepada anak-anak mereka sejak kecil bertepatan dengan peribahasa melentur buluh biarlah dari rebungnya bagi tujuan memupuk minat bermain permainan tradisional. Mereka boleh membelikan anak-anak mereka permainan tradisional sebagai hadiah sempena hari ulang

tahun ataupun sebagai hadiah kerana pencapaian cemerlang dalam akademik di sekolah. Jelas bahawa melalui usaha tersebut secara tidak langsung akan mempopularkan sesuatu permainan tradisional serta mengeratkan lagi hubungan silaturahim sesama ahli keluarga, bak kata peribahasa sambil menyelam minum air.

Selain itu, pihak kerajaan melalui Kementerian Pelajaran Malaysia mestilah menjadikan permainan tradisional sebagai satu daripada kegiatan kokurikulum di sekolah. Rentetan daripada itu, pihak sekolah hendaklah digalakkan menubuhkan kelab atau persatuan yang bercirikan permainan tradisional. Dengan berpayungkan kelab atau persatuan permainan tradisional seperti Kelab Budaya Bangsa, pelajar boleh belajar tentang cara membuat, cara bermain dan mengetahui syarat-syarat bermain sesuatu permainan tradisional. Setelah mengetahui secara mendalam sesuatu permainan itu, pelajar akan berminat untuk melibatkan diri dalam permainan tradisional tersebut. Usaha menanam minat terhadap generasi muda penting kerana mereka merupakan akar tunjang yang bakal mewarisi warisan pusaka bangsa serta mewarnai masyarakat masa hadapan

Seterusnya, usaha mengadakan pelbagai kempen cintai permainan tradisional merupakan satu kaedah yang ampuh untuk mempopularkan permainan tradisional di negara kita. Kempen ini perlu dijalankan oleh Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara secara terancang dan berkesan dengan kerjasama pihak media cetak dan media elektronik seperti akhbar dan televisyen. Pihak media massa perlu menyiarkan rencana dan dokumentari untuk memperkenalkan permainan tradisional di negara kita seperti wau, gasing, congkak dan lain-lain. Pelbagai aktiviti harus dianjurkan sempena kempen tersebut, seperti peraduan mengarang, pameran, peraduan melukis poster dan lain-lain lagi. Melalui proses tersebut, permainan tradisional boleh menjadi lebih popular di merata-rata tempat bersesuaian dengan kata peribahasa seperti pegaga tumbuh melata.

Pertukaran budaya dengan negara luar merupakan inisiatif lain yang boleh dilakukan bagi mempopularkan permainan tradisional. Apabila program tersebut dilaksanakan maka pelajar dari luar negara yang datang ke Malaysia akan berpeluang bermain pelbagai permainan tradisional di sini. Apabila mereka pulang ke negara mereka kelak, mereka akan mengajar rakan-rakan dan ahli keluarga permainan yang pernah mereka mainkan di sini. Usaha ini secara tidak langsung membolehkan nama Malaysia akan masyhur di persada antarabangsa dan rakyat Malaysia boleh berbangga kerana Malaysia masih mempunyai permainan tradisional yang tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas. Perkara yang sama boleh dilakukan oleh agensi pelancongan yang bertindak sebagai medium penyebar maklumat untuk memperkenalkan permainan tradisional kepada pelancong asing.

Tidak disangkalkan lagi, penganjuran pelbagai bentuk pertandingan merupakan inisiatif yang agak praktikal untuk mempopularkan permainan tradisional kepada masyarakat di Malaysia. Melalui pertandingan yang diadakan semua pihak yang mengambil bahagian akan saling bertukar pengalaman dan mengukuhkan ukhwh antara mereka. Hal ini demikian kerana sebagai fitrah manusia, segelintir masyarakat memang suka bertanding untuk mendapatkan sesuatu. Dalam konteks ini, contoh yang terbaik ialah penganjuran Festival Layang-layang Antarabangsa di Pasir Gudang , Johor oleh kerajaan negeri Johor dengan kerjasama pelbagai badan korporat. Berdasarkan rekod yang ada, pertandingan layang-layang tersebut berjaya menarik peminat-peminat permainan layang-layang dari seluruh dunia untuk turut mengambil bahagian.

Konklusinya, semua etnik tidak sewajarnya membiarkan khazanah budaya mereka termasuk permainan tradisional terus lenyap di muka bumi kerana warisan tersebut ialah khazanah dunia yang tidak ternilai harganya. Kita amat berharap semua pihak tetap teguh memelihara khazanah budaya ini pada setiap masa kerana generasi terkini hanya sekadar meminjam warisan bangsa yang mungkin menjadi sanjungan generasi mendatang. Suka ditegaskan di sini bahawa setiap anak watan Malaysia perlu menyahut cabaran dan menghadapi semangat habis kapak berganti beliung untuk merealisasikan impian negara tercinta ke arah Menjana Transformasi Rakyat Cemerlang. Malaysia Boleh!

ANDREW CHOO